



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

MEI 2026



HARI HOL PAHANG

22 MEI 2026M / 5 ZULHIJAH 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah ﷻ dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ ,

Marilah kita bersyukur atas kurniaan nikmat Iman, serta dipanjangkan usia dalam keadaan beragama Islam. Hari ini, kita berada pada awal bulan Zulhijjah, yang mana sebahagian besar tetamu jemputan Allah ﷻ di kota Makkah sedang membuat persiapan akhir sebelum wuquf di Arafah. Marilah kita mendoakan agar mereka dikurniakan kekuatan dan kesihatan untuk mengejar haji yang mabrur.

Sementara kita pula di Malaysia, pada hari ini, 22 Mei 2026, secara tradisinya kita memperingati satu hari yang dikenali sebagai Hari Hol. Bahkan hari ini diangkat sebagai hari kelepasan am bagi Negeri Pahang. Hari Hol mula diperkenalkan sejak tahun 1974 bagi memperingati ulang tahun kemangkatan Sultan Pahang yang keempat, Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah.

Pada tahun 2020, Hari Hol dipinda ke tarikh 22 Mei iaitu bersempena tarikh ulang tahun kemangkatan Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar, Sultan Pahang yang kelima.



Mungkin ada sebahagian rakyat Pahang tidak mengetahui pengertian dan pengajaran di sebalik Hari Hol. Ada pendapat menyatakan perkataan ‘Hol’ berasal daripada kalimah Arab ‘Haul’ (حَوْل) yang bermaksud setahun atau ulang tahun. Dalam tradisi Melayu, Arab dan adat istana, ‘Hol’ ialah majlis memperingati ulang tahun kemangkatan seorang raja atau seseorang yang sangat dihormati seperti tokoh masyarakat, pemimpin dan ulama. Kebiasaannya hari ini diisi dengan bacaan surah Yasin, tahlil, bacaan doa dan penceritaan jasanya kepada masyarakat.

Hakikatnya, Hari Hol bukan sekadar hari peringatan. Ia adalah medan muhasabah dan waktu untuk kita mengenang jasa-jasa kepimpinan terdahulu yang sudah tiada. Mereka menanam benih keadilan, kebaikan dan ketakwaan dalam pentadbiran, serta menjadi raja yang adil kepada rakyat pelbagai bangsa dan agama, selari dengan perintah Allah dalam surah al-Maidah ayat 8:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ
عَلَىٰ ءَأَلَّا تَعْدِلُوا ءَاعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Yang bermaksud: *“Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu*



mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

Raja adalah ketua agama dan payung tempat rakyat jelata bernaung di tanah air ini. Rakyat pula berperanan untuk menjaga perpaduan dan menumpahkan taat setia kepada raja. Atas dasar ini, para ulama menggalakkan agar umat Islam berdoa secara khusus kepada Raja pemerintah yang adil. Fudhail bin ‘Iyyad pernah menyatakan, mafhumnya:

“Seandainya aku memiliki doa yang mustajab, aku akan tujukan doa tersebut pada pemimpinku.” Seseorang bertanya kepadanya, “Kenapa begitu?”. Fudhail menjawab, “Jika aku tujukan doa tersebut kepada diriku sahaja, maka itu hanya bermanfaat untukku. Namun jika aku tujukan untuk pemimpinku, maka rakyat dan negara turut akan mendapat kebaikan.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ sekali,

Selain itu, Hari Hol juga sepatutnya mengajar umat Islam agar mencontohi salah satu amalan sunnah, yang selalu dianjurkan oleh Nabi Muhammad ﷺ, tetapi



dipandang ringan oleh umatnya, iaitu memperingati kematian. Tiada siapa pun antara kita yang kekal hidupnya. Semua dari kita akan menghadapi kematian.

Tidak kiralah apa juga status kita di dunia ini, sama ada yang tua mahupun muda, apabila ajal datang, percayalah bahawa ia tidak akan diawalkan atau dilewatkan walau sesaat pun. Maka sahutlah anjuran Nabi Muhammad ﷺ agar sentiasa memperingati kematian. Sabda Baginda ﷺ seperti yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, mafhumnya:

“Seorang pemuda bertanya kepada Rasulullah ﷺ, “Siapakah yang paling bijaksana?” Maka Nabi menjawab, “*Mereka yang paling banyak mengingati mati dan yang paling baik persediaannya untuk selepas kematian, mereka itulah orang yang bijak.*”

Daripada khutbah hari ini, dapatlah disimpulkan bahawa:

Pertama, Hari Hol adalah satu simbolik penghargaan kepada Raja Pemerintah yang banyak berjasa untuk agama dan negeri tercinta ini.



Kedua, sambutan ini menjadi peringatan kepada manusia mengenai kepentingan berbudi dan berjasa semasa hayat dikandung badan, dengan hidup rasa bertuhan, serta berusaha menyatukan rakyat tanpa mengira latar belakang.

Ketiga, perbanyakkanlah merenung kematian, kerana ia menjauhkan manusia daripada melakukan maksiat.

Mengakhiri khutbah sempena sambutan hari Hol ini, marilah kita bersama-sama mendoakan keampunan dan kerahmatan kepada Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar iaitu Sultan Pahang yang kelima di atas jasa kepada agama, bangsa, negeri dan negara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أُمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا بِآيَاتِنَا يُوقِنُونَ ﴿٢﴾



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.